



**PERUTUSAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**“RAMADAN BULAN TRANSFORMASI
DIRI”**

21 MAC 2024 (KHAMIS)
2:00 PETANG
AUDITORIUM ANGKASA

Assalamulaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Malaysia Madani, Salam
Perpaduan dan Salam Koperasi ,

Terima kasih Saudara/ Saudari
pengacara majlis,

(Protokol sapaan)

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, dengan rahmat dan hidayah-Nya, kita sekali lagi diberkati untuk menyambut bulan suci Ramadan. Bulan yang penuh berkah dan ampunan, bulan di mana kita diberikan kesempatan untuk

melakukan transformasi diri yang mendalam, baik secara spiritual mahupun dalam konteks pekerjaan.

2. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia. Marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah

kurnia dan rahmat-Nya, diizinkan kita berhimpun di sini untuk sama-sama dalam Sesi Bersama Presiden pada hari ini.

3. Terima kasih juga kepada seluruh Anggota Lembaga, Pengerusi JPAN dan juga warga kerja ANGKASA serta anak syarikat dan syarikat bersekutu

yang komited untuk mengikuti perjumpaan pada petang ini sama ada secara fizikal di dalam auditorium ini mahupun secara dalam talian. Dikesempatan ini, Selamat Datang dan Tahniah diucapkan kepada Pengerusi JPAN yang baharu iaitu Tuan Haji Mohamad Hanifah BK Koya Moideen Kutty yang mengetuai Pahang Tengah (II) dan Tuan Haji

Zaidan Abd. Hadi yang meneraju Melaka.

4. Rasanya masih belum terlewat lagi untuk saya ucapkan Selamat menyambut bulan Ramadan Al-Karim buat seluruh warga ANGKASA. 10 Ramadan hari ini dan rasa terlalu cepat Ramadan berlalu. Ambillah

peluang untuk kita meningkatkan keimanan dan takwa dalam bulan penuh barakah ini.

**Hadirin Hadirat yang dihormati
sekalian**

5. Ramadan bukan hanya tentang menahan lapar dan dahaga, tetapi juga menemukan kedamaian dalam hati dan menguatkan hubungan kita

dengan Allah S.W.T. Di tengah-tengah kesibukan kita dalam pekerjaan, Ramadan hadir sebagai kesempatan emas untuk refleksi diri, menilai tujuan dan motivasi dalam bekerja, serta memperbaiki sikap dan perilaku kita sesama manusia.

6. Seperti yang sering kita ucapkan, Ramadan mengajar kita tentang kesabaran, ketekunan, dan pengendalian diri. Sifat-sifat ini penting dalam lingkungan kerja, di mana kita dihadapkan kepada berbagai cabaran baharu setiap hari. Dengan menjalani ibadah puasa dan mengendalikan hawa nafsu

sepanjang Ramadan, kita dapat memperkuat kemampuan kita untuk menghadapi tekanan dan menyelesaikan tugas dengan lebih baik.

7. Ramadan juga mengajar kita tentang kepedulian terhadap masyarakat. Dalam dunia pekerjaan,

sikap empati dan kerjasama sangatlah penting. Marilah kita gunakan bulan ini

untuk memperdalam hubungan baik dengan rakan-rakan sekerja, memperluas jaringan sosial, dan memberikan bantuan kepada sesama dalam bentuk apapun yang kita mampu.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

8. Selari dengan Tranformasi ANGKASA, bulan Ramadan tahun ini diharap dapat mengubah fokus pekerjaan seiring dengan peningkatan kualiti kerja di samping menjadikan kita lebih mengingati Allah SWT.

9. Sejak awal Ramadan saya lihat ramai kakitangan yang hadir awal ke

pejabat. Yang dahulunya sering tiba *on time* juga kini datang awal ke pejabat. Ini adalah satu perubahan yang baik kerana pekerja yang peka soal ketepatan masa dan mempunyai disiplin yang tinggi akan mewujudkan cara kerja yang berstruktur dan tidak

bertanggung-tanggung atau lewat menyiapkan kerja.

10. Tugas yang dibuat siap pada waktunya akan menjana rasa percaya pihak lain terhadap sesuatu organisasi. Saya harap amalan ini tidaklah “Hangat-Hangat Tahi Ayam” atau hanya untuk mengejar waktu pulang

awal sahaja. Semoga disiplin ini berkekalan dan menjadi *habit* yang baik untuk semua.

11. Banyak hikmah yang terkandung daripada amalan berpuasa ini. Justeru, kita sebagai pekerja yang beragama Islam haruslah mengambil kesempatan pada bulan Ramadan

yang mulia ini untuk sama-sama mentransformasi diri menjadi pekerja yang ulung dengan produktiviti tinggi dan disegani.

**Hadirin Hadirat yang dihormati
sekalian**

12. Sebagai seorang pekerja, kita perlu menggunakan segenap kekuatan

yang ada untuk mencapai kecemerlangan dalam disiplin apa sekali pun sebagai amanah Allah S.W.T. untuk digunakan demi kebaikan ummah. Sebagai Badan Apeks Gerakan Koperasi yang diiktiraf kerajaan, ANGKASA perlu memperkukuhkan kedudukannya

memimpin koperasi menerusi penyelidikan dan inovasi, pembangunan koperasi menerusi khidmat komuniti dan pembangunan industri mahupun dalam pelbagai usaha lainnya termasuk menjadi yang terbaik di dunia seluruhnya.

13. Sehubungan itu, marilah kita gunakan Ramadan kali ini untuk

menginsafkan kita dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah bagi membangunkan generasi pelapis ANGKASA yang berupaya memimpin dan meneruskan kejayaan ANGKASA dan memajukan koperasi bagi transformasi positif yang dapat meningkatkan kesejahteraan

anggotanya serta memberikan dampak yang lebih luas bagi masyarakat.

14. Saya pasti sepanjang bulan Ramadan ini, kita banyak mengatur aktiviti dan program untuk memanfaatkan waktu pada bulan mulia ini bagi mempertingkatkan amal

kepada Allah SWT dari semasa ke semasa.

15. Kata Ibnu Mas'ud: *"Waktu yang kusesali adalah jika pagi hingga matahari terbenam, amalku tidak bertambah sedikit pun, pada hal aku tahu saat ini umurku telah berkurang."*

16. Ramadan mendidik kita untuk membangunkan, mengukuh dan memperkatakan hati dan jiwa kita untuk melakukan semuanya hanya kerana Allah S.W.T. Setiap keputusan dan kepimpinan kita berlandaskan syariat dan keredhaan Allah S.W.T.

17. Seperti mana kita melakukan ibadah lainnya, seperti mana kita

berjuang Fi sabilillah dan berjihad, segalanya hanya kerana Allah. Jika ini dapat kita lakukan, maka pada penghujung Ramadan nanti, tentunya ada perubahan dan transformasi yang akan terjadi yang hasilnya adalah dari didikan dari madrasah dan universiti Ramadan yang kita lalui ini. Namun

yang paling penting, ia perlu bermula dari diri, hati dan jiwa kita.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

18. Semoga di penghujung Ramadan nanti, hati dan jiwa kita tidak perlu lagi dipantau oleh manusia dalam

melakukan apa jua kerja yang dibuat. Kita akan mengisi masa dengan penuh manfaat dan melaksanakan amanah kerja dengan penuh tanggungjawab berlandaskan pemerhatian Allah S.W.T. kerana pada akhirnya kita tahu bahawa Laporan Penilaian Prestasi atau KPI sebenar kita bukanlah hanya

ditentukan oleh ketua jabatan tetapi Allah S.W.T.

19. Kecemerlangan akhirat menjadi matlamat akhir yang dicapai melalui kecemerlangan dunia yang dibuat melalui pelaksanaan amanah dan tanggungjawab yang kita pegang dengan baik dan sempurna.

20. Marilah kita berazam dan beriltizam agar Ramadan Al-Mubarak yang kita

lalui kali ini akan berupaya menjadikan kita lebih baik, lebih cemerlang dan lebih berjaya di dunia dan akhirat.

21. Ingatlah, apa yang kita kejar pada hari ini bukanlah kesempurnaan semata-mata tetapi yang penting

adalah niat, usaha dan tindakan untuk menjadi lebih baik dari semalam.

22. Sebelum saya akhiri perkongsian ini mari kita sama-sama imbas kembali transformasi diri yang boleh kita sama-sama lakukan kerana Allah SWT:

- **Transformasi ibadah** - Melakukan yang wajib dan meningkatkan ibadah sunat

dan memastikan apa yang kita lakukan tidak bertentangan dengan syarak.

- **Transformasi emosi dan minda** – Sentiasa berfikiran positif dan terbuka dengan cadangan dan pandangan yang membina. Tidak bersangka buruk

atau mewujudkan persekitaran kerja yang toksik. Kurangkan membawang,

lebihkan
penambahbaikan.

cadangan

- **Transformasi kerja** - Melaksanakan tugas dengan penuh integriti, ikhlas dan efisien. Prinsip “*Do it right the first time*”, teliti dan sentiasa menyemak kerja sehingga memberikan hasil

terbaik harus diterapkan dalam setiap warga
ANGKASA.

- **Transformasi silaturrahim** – Menjaga hubungan baik sesama insan, bantu membantu, bekerja bersama-sama demi manfaat bersama dan meningkatkan amalan bersedekah untuk mereka yang kurang bernasib

baik. Sedekah bukan hanya dinilai dengan wang ringgit atau harta malah ilmu dan keringat.

- **Transformasi kesihatan-** Menjaga nikmat kesihatan yang Allah SWT kurniakan dengan melakukan aktiviti fizikal atau bersenam dan mengawal pemakanan dan tidak boros atau

membazir makanan untuk fizikal yang aktif dan cergas.

23. Terdapat banyak lagi transformasi diri yang boleh kita lakukan. Semoga Bulan Ramadan juga memberikan lebih masa untuk kita memperkuat nilai-nilai etika dan integriti dalam pekerjaan. Menjalankan kewajiban

dengan penuh tanggungjawab, berlaku adil dan jujur, serta menghargai kerja keras setiap individu.

24. Warga ANGKASA yang saya kasihi. Sekali lagi, selamat menjalankan ibadah puasa. Semoga Ramadan kali ini menjadi ladang yang subur bagi pertumbuhan dan kemajuan diri kita

untuk menguatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. menerusi ibadah,

sedekah amal jariah mahupun
pekerjaan berteraskan nilai **Sadik,
Amanah dan Telus.**

Sekian wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.